

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN MESYUARAT
KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN**
[KOTA BHARU]

TARIKH : **25 MEI 2016 (RABU)**

SOALAN

Dato' Takiyuddin bin Hassan minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan apakah langkah jangka pendek, sederhana dan panjang Kerajaan bagi menghadapi krisis air Negara di masa depan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1. Krisis air yang dialami pada tahun 2016 adalah disebabkan oleh Fenomena El Nino. Kesan daripada fenomena ini menyebabkan penurunan kuantiti air terawat yang dihasilkan oleh loji-loji rawatan air di negeri-negeri berkenaan akibat penyusutan sumber air mentah sama ada di sungai, kolam takungan atau empangan.
2. Antara langkah jangka pendek yang telah diambil, termasuk:

- (i) penghantaran air melalui lori tangki dan tangki statik ke kawasan terjejas;
 - (ii) pembenihan awam;
 - (iii) bantuan daripada syarikat-syarikat air dari negeri yang tidak terjejas; dan
 - (iv) mempergiatkan kempen penjimatan air.
3. Sebagai persediaan menghadapi krisis air Negara pada masa hadapan, antara langkah jangka sederhana dan panjang Kerajaan Persekutuan yang diambil adalah dengan memberi penekanan kepada strategi Pengurusan Permintaan Air (*Water Demand Management*) terutamanya dalam Sektor Domestik dan Industri di Malaysia. Pengurusan permintaan air adalah kaedah yang berkesan bagi menguruskan sumber air negara secara lestari dan mampan melalui pelaksanaan strategi-strategi berikut:
- (a) penyelarasan tarif air secara berterusan ke arah pencapaian kos sebenar perbekalan air mencakupi aspek pemuliharaan kawasan tadahan, kos rawatan dan agihan serta kos rawatan air kumbahan sebelum dilepaskan semula ke alam sekitar;
 - (b) usaha berterusan untuk mengurangkan Kadar Air Tidak Terhasil atau NRW melalui intervensi daripada Kerajaan Persekutuan dan melalui mekanisme *asset light* oleh Pengurusan Aset Air Berhad;
 - (c) perluasan penggunaan apparatus cekap air (*water efficient*) seperti tandas dwi curahan (*dual flush water closet*) secara yang mandatori yang akan dikuatkuasakan sepenuhnya oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN);

- (d) pelaksanaan mandatori Skim Pelabelan Produk Cekap Air (*Water Efficient Product Labelling Scheme*) bagi produk-produk air secara berperingkat oleh SPAN dengan sasaran awal pelaksanaan kepada tandas-tandas awam dan masjid-masjid;
 - (e) penerokaan dan penggunaan sumber-sumber air alternatif seperti air hujan dan efluen terawat bagi mengurangkan kebergantungan kepada air terawat;
 - (f) penguatkuasaan dan tindakan undang-undang ke atas kes kecurian air oleh SPAN dengan tumpuan kepada premis komersil dan bukan domestik;
 - (g) pelaksanaan Audit Kecekapan Air bagi premis-premis yang menggunakan air yang banyak; dan
 - (h) mempergiatkan kempen kesedaran dan penjimatan air secara berterusan.
4. Bagi mengatasi kekurangan sumber air bagi jangka masa panjang, Kerajaan Persekutuan melalui KeTTHA sedang membina Empangan Sg. Kahang di daerah Kluang, Johor, Projek Pembesaran Empangan Mengkuang di Pulau Pinang, Projek Pembinaan Empangan Sungai Jernih di Melaka dan Projek Pembinaan Baraj di Sungai Johor bagi meningkatkan sumber air di Johor.
